

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 1
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS	:	TEKNOLOGI PENDIDIKAN
KOD KURSUS	:	BBD 20202
PROGRAM	:	1 BBB / BBC / BBE
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2013/JANUARI 2014
MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	A) JAWAB SEMUA SOALAN B) JAWAB DUA SOALAN SAHAJA

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI **EMPAT (4)** MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

- S1** Teknologi memainkan peranan penting bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran di kelas.
- (a) Terangkan kepentingan teknologi dalam pendidikan. (4 markah)
- (b) Bezakan antara teknologi pengajaran dan teknologi pendidikan. (6 markah)
- (c) Model ARCS merupakan model motivasi yang mempertimbangkan faktor motivasi bagi menarik minat pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Huraikan komponen-komponen utama yang terkandung dalam Model ARCS. (10 markah)
- S2** Terdapat beberapa teori dan model dalam pengajaran dan pembelajaran.
- (a) Senaraikan enam (6) daripada sembilan (9) peringkat pembelajaran Gagne. (6markah)
- (b) Terangkan dua (2) strategi pengajaran. (4 markah)
- (c) Huraikan aspek pembangunan sistem pengajaran dan pembelajaran berdasarkan model ADDIE. (10 markah)
- S3** (a) Cikgu Putra bercadang untuk mengambil gambar foto bangunan-bangunan lama untuk tujuan pengajaran mata pelajaran Sejarah. Anda diminta untuk membantu beliau dalam mengenalpasti langkah (panduan) yang perlu diambil kira untuk menghasilkan gambar yang berkualiti. Huraikan lima (5) langkah yang boleh disarankan. (10 markah)

- (b) Pembikinan video sentiasa memerlukan ketelitian dari peringkat pre produksi kepada pasca produksi.
- (i) Jelaskan fungsi papan cerita dalam fasa pembangunan video. (6 markah)
- (ii) Senaraikan empat (4) jenis teknik penggambaran dengan menggunakan kamera video. (4 markah)

BAHAGIAN B

- S4** Video sebagai alat bantu mengajar yang sentiasa digunakan dari peringkat set induksi ke peringkat pembelajaran.
- (a) Jelaskan dengan contoh langkah-langkah dalam penghasilan sebuah video. (10 markah)
- (b) Bincangkan kelebihan dan kelemahan penggunaan video dalam pengajaran. (10 markah)
- S5**
- (a) Nyatakan tiga peranti input dan tiga peranti output komputer. (6 markah)
- (b) Jelaskan tiga kelebihan dan tiga kekurangan penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran. (6 Markah)
- (c) Bincangkan kelebihan penggunaan telesidang video dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. (8 markah)
- S6**
- (a) Berikan definisi media pengajaran. (2 markah)
- (b) Senaraikan empat ciri pemilihan media/bahan pengajaran. (4 markah)

- (c) Senaraikan empat (4) ciri yang perlu diberi perhatian sewaktu penyediaan bilik tayang. (4 markah)
- (d) Sebagai seorang guru anda perlu mahir menggunakan aplikasi teknologi bagi memastikan proses pengajaran yang berkesan. Bincangkan tiga (3) kriteria pemilihan alatan persempahan. (10 markah)

- S7 (a) Terangkan dengan ringkas apa yang dimaksudkan dengan hypertext dan hypermedia. (4 markah)
- (b) Terangkan lima (5) jenis elemen multimedia yang boleh digunakan dalam internet. (10 markah)
- (c) Pembelajaran berasaskan web merupakan satu trend pendidikan yang semakin popular dalam era teknologi pada waktu kini. Teknik pengajaran dan pembelajaran ini penting dalam pendidikan jarak jauh tetapi telah dijadikan satu alternatif pengajaran dan pembelajaran untuk pengajaran secara bersemuka. Bincangkan kelebihan dan kelemahan yang terdapat dalam kaedah pembelajaran ini. (6 markah)

- SOALAN TAMAT-